

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HMT 121 – Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan. SEMUA soalan mempunyai nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A [Jawab KEDUA-DUA [2] soalan]

1. Dengan menggunakan beberapa contoh yang sesuai daripada nahu Melayu tradisional serta nahu tradisional Yunani dan Romawi, bincangkan dari aspek penggolongan kata, pernyataan berikut:

Nahu Melayu tradisional dikatakan berlandaskan nahu tradisional Yunani dan Romawi.

2. (a) Jelaskan pengertian ayat dan jenis-jenisnya berdasarkan pandangan Z'aba di dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1940) dan sertakan contoh yang sesuai.  
(b) Huraikan 'benda', 'cerita', 'penyambut' dan 'pencukup' menurut pandangan Z'aba (1940).

..!2-

**BAHAGIAN B [Pilih TIGA [3] soalan]**

3. Bincangkan gantinama diri dan faktor-faktor yang menentukan penggunaannya menurut pandangan Marsden (1812) dan Winstedt (1914).
4. Salah satu daripada golongan kata menurut pandangan Syed Muhammad Othman di dalam bukunya Kitab Penanggam Bahasa (1936) ialah 'diwal kata'. Bincangkan *diwal kata* ini dan kehadirannya dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.
5. Apakah maklumat-maklumat yang boleh diperolehi dari sesebuah kamus? Bincangkannya dengan merujuk kepada kamus-kamus Marsden (1812), Wilkinson (1903) dan Raja Haji Ali (1927).
6. Huraikan pengertian golongan kata sifat dan jenis-jenisnya menurut Z'aba di dalam bukunya Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 (1940). Perhatikan bagaimana sesuatu perkataan yang sama itu boleh menjadi sifatnama atau sifatkata.
7. (a) Nyatakan penjenisan kata menurut pandangan Hollander (1850) dan sertakan contoh-contoh yang memadai.  
(b) Bincangkan pembentukan kata bahasa Melayu menurut pandangan Hollander (1850).